

Pak Lah berkongsi strategi satukan masyarakat majmuk

Oleh Kadir Dikoh
dan Norhafzan Jaafar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kontrak sosial yang tidak disusuli pertumbuhan ekonomi sehingga melebarkan jurang kemiskinan antara kaum, boleh menjejaskan keharmonian dalam masyarakat majmuk.

Perdana Menteri memberikan contoh kegagalan memperbetulkan isu itu menjadi punca teretusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 yang hampir memusnahkan negara ini dan selepas itu, usaha terus dilakukan bagi membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum.

Sehubungan itu, katanya, amat penting dan menjadi strategi pembangunan terbaik untuk terus memperkukuhkan ekonomi negara supaya dinikmati semua bagi mengurangkan konflik perkauman.

"Mana-mana masyarakat terutama masyarakat multi-budaya pelbagai corak akan mendapat faedah besar dari sesuatu kontrak sosial yang menyediakan rangka kerja bagi interaksi politik, sosial dan ekonomi yang dipersetujui bersama oleh semua komuniti.

"Ia mengurangkan kecelaruan persefahaman dengan pertikaian kepentingan dan membolehkan rakyat memfokus kepada memperbaiki kehidupan mereka, keamanan dan harmoni," katanya ketika menyampaikan ucap-tama 'Cabaran Masyarakat Pelbagai Agama, Etnik dan Budaya' di Sidang Kemuncak Media Asia di sini,

semalam.

Kira-kira 400 peserta dari 50 negara menghadiri persidangan tiga hari itu yang menghimpunkan jumlah terbesar pengamal media. Ia dianjurkan bersama Institut Pembangunan PENYIARAN Asia Pasifik, Isis Malaysia dan News World Asia.

Beliau kemudian mengadakan sesi soal jawab dengan peserta persidangan.

Abdullah berkata, sesetengah negara pelbagai kaum yang suatu ketika dulu stabil dan dianggap model bagi negara lain, kini terjerumus ke kancah perang berlarutan manakala yang lain pula sering terdedah kepada keganasan kaum dan puak, yang akhirnya berpecah belah.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia berjaya menegakkan kesepakatan di kalangan rakyat pelbagai kaum dengan memberi kuasa kepada semua etnik dan kumpulan agama serta memperuntukkan penyertaan mereka dalam kerajaan untuk bersama mengemudi masa depan negara.

"Inilah kontrak sosial kita yang diikrar dalam Perlembagaan iaitu kontrak yang dibina atas semangat tolong-menolong. Kita sama-sama berkongsi kuasa di kalangan semua kumpulan.

"Barangkali, aspek paling penting dalam kontrak sosial ini ialah persetujuan rakyat pribumi memberikan kerakyatan kepada kaum pendatang Cina dan India.

"Ini mengubah rupa bangsa ini daripada negara yang asalnya dimiliki penduduk pribumi kepada negara di mana orang Cina dan India turut



ANTARA peserta luar negara yang menghadiri Sidang Kemuncak Media Asia di Kuala Lumpur, semalam. - Gambar oleh Rosdan Wahid

menganggap sebagai negara mereka," katanya.

Beliau berkata, pengalaman Malaysia berasaskan strategi menerima penyertaan dan menghormati hak semua kumpulan etnik, agama dari budaya dan pengiktirafan saksama mengenai kedudukan istimewa penduduk pribumi, adalah formula terbaik dalam mengurus kepelbagaian ini.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, tidak ada tongkat sakti yang boleh mengatasi cabaran dalam meng-

hususnya bila negara masih muda dan institusinya masih pada peringkat awal pembangunan.

"Globalisasi, revolusi teknologi maklumat dan komunikasi serta daya tarikan demokrasi menjadikan usaha mengendalikan masyarakat pelbagai budaya lebih rumit dalam beberapa hal.

"Mengurus masyarakat yang banyak budaya, kumpulan etnik dan agama adalah cukup rumit, khususnya jika tapak masyarakat ini belum

Abdullah berkata, pendidikan se-

bagai alat utama dalam usaha Malaysia mewujudkan masyarakat pelbagai budaya yang bersatu serta makmur dan dalam konteks itu, kerajaan menetapkan beberapa matlamat asas.

"Kita belum berjaya sepenuhnya mencapai matlamat ini. Aliran pendidikan yang selari, masing-masing memenuhi keperluan sesuatu kaum boleh membawa kepada perpecahan. Bagaimanapun, kita akan terus mencari jalan memupuk interaksi dan perpaduan secara kreatif dan berdaya maju dari segi politik" katanya.